

Silat dalam
12 SEP 1989
Sukan SEA

KUALA LUMPUR — Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka) dan negara-negara kerabat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) akan memastikan acara silat ditingkatkan dalam Sukan SEA Manila 1991. — Bernama.



Kerana minat budaya Melayu

³
MINAT untuk mendalami kesenian dan adat resam Melayu tidak saja mendorong seorang gadis Australia menyertai kumpulan seni silat, malah sanggup menggunakan nama Melayu, iaitu Siti Khadijah.

Kathryn J Dalmer, 16, yang mengikuti projek pertukaran pelajar Malaysia-Australia, juga fasih berbahasa Melayu.

Dia kini menuntut dalam tingkatan empat di Sekolah Menengah Kuala Pegang dekat Baling. 13 SEP 1989

"Saya meminati kesenian Melayu, terutama silat dan memalu gong serta gendang," katanya yang mahu dikenali sebagai Siti Khadijah.

Menurutnya, kerana itu, dia menganggotai kumpulan silat Jawa Kampung Kuala Chenerrai, Kuala Pegang. Harian (M)

Sabtu lalu, Siti Khadijah diberi penghargaan menunjukkan kebolehannya bersilat di hadapan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, sempena pelancaran torehan getah estet mini Risda di Kampung Luar, Baling.

Kebolehan dan kesegakannya berpakaian serikandi negara memukau tetamu.

Siti Khadijah, yang tinggal bersama satu keluarga angkat, mula mempelajari seni silat sebulan lalu menerusi seorang guru, Encik Ahmad Puteh di Kampung Kuala Chenerrai.

— Gambar Oleh NOOR AZMI MAT NOOR.